Ilmu Kalam Sebagai Asas dalam Menangani Pemikiran Asing:
Prinsip Epistemologi Kalam Menghadapi Kenisbian Liberalis Muslim

Oleh: Wan Adli Wan Ramli

Contoh Pemikiran Nisbi Liberalis Muslim

Sumber: http://irfront.net/post/articles/islam-dan-cabaran-demokrasi-bahagian-iii/

Berdasarkan khazanah intelektual ini, saya mencadangkan bahawa syari'at perlu berdiri dalam sebuah kerajaan islam sebagai sebuah simbol konstruk kearah kesempurnaan Tuhan yang tidak dapat dicapai oleh usaha manusia. Sebagaimana yang ditekankan oleh Ibn Qayyim, ia merupakan mercu keadilan, kebaikan, dan keindahan yang dicipta dan dianjurkan oleh Tuhan. Jadi, boleh dikatakan, kesempurnaannya terpelihara, cumanya setiap yang disampaikan melalui perantara manusia adalah terdedah pada kelemahan manusia.

Dalam kata lain, syari'at sebagaimana diilhamkan oleh Tuhan adalah sempurna, tetapi apa yang difahami manusia sebagai syari'at, boleh jadi ianya tidak sempurna dan diluar jangkaan pengetahuan. Para fuqaha' meneruskan pencarian hakikat syari'at yang ideal, dan kekal menerangkan ketidaksempurnaan percubaan mereka dalam memahami kesempuranaan Tuhan. Selagimana hujah yang dibina itu bersifat normatif, ia sama sekali hanya merupakan suatu potensi yang tidak dipenuhi kearah mencapai kehendak yang Esa.

Secara signifikan, sebarang undang-undang yang dilaksanakan hanya berkemungkinan sebagai sebuah potensi – yang sebenarnya tidak diketahui. Syari'at bukanlah semata-mata koleksi hukum-hukum tetapi

TO THE TOP

Contoh Prinsip Epistemologi Kalam

Sumber: Daud Fatani, *Durr al-Thamin*

Daud Fatani - Durr Thamin (Definisi Ilmu).pdf - Adobe Reader

File Edit View Window Help

ماتريدية (دان كات) أبو حنيفة فدسات رواية (لولم يبعث الله رسولا لوجب على الخلق معرفته
بعقولهم لكن لايعذبون بتركها لقوله تعالى وما كنا معذبين حتى نبعث رسولا) جكلو تياد
بڠكيت اكن ڤسوروه نسچاي واجب أنس سكل مخلوق مڠتهوي اكن الله دڠن سكل عقل مريكئت
تتاڤ تياد دسكساڽ دڠن مڠڠكلكندي كارن فرمان الله تعالى دان تياد كامي سكسا سكل مانسي
هيڠݢ كامي بڠكيتكن ڤسوروه دان كات أشاعره تياد واجب معرفة مليٴينكن دڠن شرع كارن
فرمان الله (وما كنا معذبين حتى نبعث رسولا) مك دفهم درفدان تياد أدا حكم دهولو درفد أدا
شرع يائيت بڠكيت رسول دان دكات مصنف ان يعرف رمول حقيقة معرفة ايت يائيت (الجزم
الموافق للحق عن دليل) جزم يڠ موافقة مك حق دڠن دليل مك كلور دڠن جزم ايت شك
دان ظن دان وهم مك معنى شك ايت تردد انتار دوا ڤكرجائن برسامائن كدوان تياد لبه سالہ
سوات درفد نوليتن دان ظن ايت برت سبله أداڽ ريڠن اكن بياداان وهم ايت برت سبله تياد
ريڠن سبله أداڽ مك بهوسن كتيك اي ايت تياد دنماكن معرفة دان تياد كندا اي فد برغيغ

7.25 x 10.50 in

Contoh Prinsip Epistemologi Kalam
Sumber: Daud Fatani, *Durr al-Thamin*

Daud Fatani - Durr Thamin.pdf - Adobe Reader

File Edit View Window Help

Hakikat Makrifah (معرفة)

Hakikat makrifah itu ialah: (الجزم الموافق للحق عن دليل).

> **Maksudnya:** *Jazam*[13] *yang bertepatan dengan yang sebenar berdasarkan dalil.*

Maka keluar dengan kata *jazam* itu, *syak, zan* (ظن) dan *waham* (وهم). Makna *syak ialah taraddud* (berbelah bagi) antara dua perkara (kepercayaan) secara sama berat, dan zan berat sebelah adanya ringan sebelah tiadanya, manakala *waham* sebalik kepada *zan*. *Syak, zan* atau *waham* (dalam iktikad) tidak dinamakan *makrifah* dan tidak memadai untuk memenuhi tuntutan syarak tentang hak Allah SWT dan hak rasul-rasul AS. Dan keluar dengan kata: *"Jazam*

6.58 x 9.58 in

Sumber: Dāwūd bin Wān ʻAbd Allāh al-Faṭānī, *Durr al-Thamīn* [Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: Al-Hidayah, 2011), 30-31].

Bermula hakikat makrifat itu iaitu *al-jazam al-muwāfiq li ʼl-ḥaqq ʻan dalīl*, jazam yang muafakat bagi hak dengan dalil. Maka keluar dengan jazam itu "syak" dan "zan" dan "waham". Maka makna syak itu *taraddud* antara dua pekerjaan bersamaan keduanya, tiada lebih salah suatu daripada taulannya. Dan zan itu berat sebelah adanya, ringan akan tiada. Dan waham itu berat sebelah tiada, ringan sebelah adanya. Maka bahawasanya ketika itu tiada dinamakan makrifat dan tiada memadai pada barang yang dituntut daripada mukalaf bahawa ia iktikad pada hak Allah Taala dan pada hak segala rasul *ʻalayhim al-salāt wa al-salām*. Dan keluar pula dengan *al-muwāfiq li ʼl-ḥaqq* jazam yang tiada muafakat bagi hak, maka bahawasanya tiada dinamakan dia makrifat, tetapi dinamakan jahil murakab; seperti jazam Nasara dengan tiga Tuhan, yakni berkata mereka itu bahawasanya Allah yang menigakan yang tiga, salah satu daripadanya dinamakan Bapa dan satunya Anak iaitu ʻĪsā dan satunya Ibu iaitu Maryam; dan jazam Majusi dua Tuhan, satunya asing ia dengan mengerjakan kebajikan, maka namanya *yazdān wa al-nūr*, dan iaitu Allah dan kerana itulah berkekalan mereka itu menyalakan api, dan yang satunya pula asing ia dengan berbuat kejahatan, dan dinamakannya *ahraman al-ẓulmah*, dan iaitu syaitan, dan tiada mengetahui mereka itu akan nabi dan tiada baginya kitab yang diturunkan. *Qātalahum Allāh annā yuʼfakūn*, telah membunuh akan mereka itu oleh Taala, betapa ia menuduh mengada yang tiada, surah al-Munāfiqūn, ayat 4. Dan keluar pula dengan *ʻan dalīl*, jazam yang muafakat tiada dengan dalil, maka dinamakan dia taklid dan tiada dinamakan makrifat. Dan erti taklid itu bahawa mengikut ia akan orang pada perkataannya atau pada iktikadnya, tiada ia mengetahui dengan dalilnya. Maka adalah taklid itu tiada harus pada ilmu Usuluddin lagi haram, dan pada ilmu Fiqah itu fardu ain, seperti kita taklid bagi salah satu daripada imam yang empat, maka tiada harus ijtihad pada masalah *fiqhiyyah*.

Epistemologi merupakan perkara pertama yang dibahaskan oleh para ulama akidah Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā‘ah, sebelum pun membincangkan dasar-dasar akidah Islam. Contohnya, Abū Manṣūr ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī (m.1037/429H) dalam karyanya *al-Farq bayn al-Firaq*, menyenaraikan asas epistemologi di tempat pertama ketika membincangkan 15 prinsip akidah yang telah dipersetujui bersama oleh para ulama Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā‘ah. 15 prinsip ini merujuk kepada persoalan epistemologi, ketuhanan, kenabian, alam Akhirat, serta persoalan kepimpinan. Boleh dikatakan bahawa 15 prinsip ini adalah indeks yang boleh menentukan sama ada seseorang itu berpegang dengan akidah Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā‘ah atau tidak. Dengan itu, ia boleh dikembangkan lagi untuk mengukur “ke‘Sunni’an” seseorang individu, secara umumnya. Secara ringkas, 4 prinsip pertama tersebut ialah: i) Mengisbatkan hakikat dan ilmu. ii) Menyatakan bahawa alam ini adalah segala yang selain Allah dan semuanya adalah baharu dan merupakan makhluk yang diciptakan. iii) Menyatakan bahawa alam ini mempunyai Pencipta yang sifat zatNya dapat dikenali. iv) Menyatakan bahawa Allah mempunyai sifat yang azali.

Sumber: Abū Manṣūr ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq wa Bayān al-Firqah al-Nājiyah Minhum*, ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht (al-Qāhirah: Maktabah Ibn Sīnā, 1988), 280. Bab ke-5, fasal ke-3.

Baghdadi - Farq bayn Firaq (Epistemologi Sunni).pdf - Adobe Reader

File Edit View Window Help

فهذه أصول اتفق أهل السنة على قواعدها ، وضللوا مَنْ خالفهم فيها ، وفى كل ركن منها مسائل أصول ومسائل فروع ، وهم مجمعون على أصولها ، وربما اختلفوا فى بعض فروعها اختلافا لا يوجب تضليلا ولا تفسيقاً .

فأما الركن الأول : وهو إثبات الحقائق والعلوم : فقد أجمعوا على إثبات العلوم معانى قائمةً بالعلماء ، وقالوا بتضليل نَفَاةِ العلم وسائر الأعراض ، وبتضليل السُّوفَسْطَائية الذين ينفون العلم وينفون حقائق الأشياء كلها ، وعَدُّوهم معاندين لما قد علموه بالضرورة ، وكذلك السوفسطائية الذين شكوا فى وجود الحقائق ، وكذلك الذين قالوا منهم بأن حقائق الأشياء تابعة للاعتقاد ، وصححوا جميع الاعتقادات مع تضادها وتنافيها . وهذه الفرق الثلاث كلها كَفَرَة معاندة لموجبات العقول الضرورية .

6.17 x 8.96 in

Maksud umum: Prinsip pertama akidah Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā‘ah ialah mengisbatkan hakikat dan ilmu. Para ulama Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā‘ah telah sepakat berijmak dalam mengisbatkan ilmu dan makna bagi ilmu, seperti yang difahami oleh para ulama Muslimin. Maka mereka mengatakan bahawa orang yang menafikan ilmu adalah sesat. Demikian juga mereka mengatakan bahawa golongan Sofis adalah sesat, kerana pemikiran mereka yang menafikan ilmu serta menafikan hakikat bagi ilmu. Para sofis terdiri daripada tiga golongan iaitu; i) puak yang bebal menolak langsung ilmu; ii) puak yang mengesyaki kewujudan hakikat; dan iii) puak yang mengandaikan bahawa hakikat adalah seperti yang dipercayai atau dipersepsikan oleh manusia lalu puak ini menerima semua kepercayaan bersama-sama pertentangan yang ada antara pelbagai kepercayaan tersebut. Semua kelompok Sofis ini adalah kufur kerana bebal menolak perkara yang menjadi kemestian daruri menurut akal.

Sumber: Sa'd al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar al-Taftāzānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah* (al-Qāhirah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah, 1988) , 12-14.

(**والعلم بها**) أى بالحقائق من تصوراتها والتصديق بها وبأحوالها (**متحقق**).

وقيل: المراد العلم بثبوتها: للقطع بأنه لا علم بجميع الحقائق.

والجواب: أن المراد الجنس، ردا على القائلين بأنه لا ثبوت لشيء من الحقائق، ولا علم بثبوت حقيقة ولا بعدم ثبوتها.

(**خلافا للسوفسطائية**) فإن منهم من ينكر حقائق الأشياء، ويزعم أنها أوهام وخيالات باطلة وهم العنادية [1].

scepticism

ومنهم من ينكر ثبوتها. ويزعم أنها تابعة للاعتقادات، حتى إن اعتقدنا الشيء جوهرا فجوهر، أو عرضا فعرض، أو قديما فقديم، أو حادثا فحادث وهم العندية.

subjectivism

ومنهم من ينكر العلم بثبوت شئ ولا ثبوته. ويزعم أنه شاك وشاك فى أنه شاك وهلم جرا [1]. وهم اللاأدرية.

agnosticism

لنا تحقيقا: أنا نجزم بالضرورة بثبوت بعض الأشياء بالعيان، وبعضها بالبيان. وإلزاما: أنه إن لم يتحقق نفى الأشياء، فقد ثبتت، وإن تحقق، فالنفى حقيقة من الحقائق، لكونه نوعا من الحكم، فقد ثبت شئ من الحقائق، فلم يصح نفيها على الإطلاق.

ولا يخفى أنه إنما يتم على العنادية.

Terjemahan:

Taftazani - Huraian Aqaid Nasafi (Ilmu).pdf - Adobe Reader

Pengesahan kami: Kami meyakini secara pasti bahawa kesabitan sebahagian perkara adalah melalui pancaindera, dan sebahagian yang lain adalah melalui pembuktian. Kami menetapkan secara lazim bahawa jika penafian sesuatu perkara tidak dapat terlaksana maka pengisbatannya adalah kekal. Jika penafiannya terlaksana maka penafian tersebut merupakan salah satu hakikat kerana penafian itu adalah sejenis hukum. Maka sabitlah salah satu hakikat, justeru tidak sah penafiannya secara keseluruhan. Tidak syak lagi bahawa perkara ini sempurna untuk dijadikan hujah terhadap golongan *Inadiyyah*.

Taftazani - Creed of Nasafi.pdf - Adobe Reader

the Opinioners (*al-'indīya*). Still others deny that there can be any knowledge of whether a thing has real existence or not. They assert that they are in doubt and that they are in doubt even of their doubt, and so on. [*21*] These are the Agnostics (*al-lā-adrīya*).

As for us, however, to prove our point of view we first convince ourselves, either by sense perception or by demonstration, of the necessity of establishing that certain things have real existence. Then from this premise we argue that if the negation of those things is not proven, then the real existence of those things has been established. But if, on the other hand, the negation has been proven, then, inasmuch as that negation by virtue of its being a species of judgment is one of the real essences it necessarily follows, again, that something of real essence has been established and that it is not proper to negate it absolutely. It is evident that this argument applies to the Obstinate only.

Rumusan

Kefahaman terhadap konsep ilmu seperti yang dihuraikan dalam asas epistemologi Kalam boleh menjadi benteng menangani kepercayaan nisbi sangkaan puak Liberalis Muslim.